



25 Julai 2023
25 July 2023
P.U. (B) 285

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

LAPORAN HAKIM PILIHAN RAYA DI BAWAH
SUBSEKSYEN 37(4)

*REPORT OF AN ELECTION JUDGE UNDER
SUBSECTION 37(4)*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

LAPORAN HAKIM PILIHAN RAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 37(4)

MENURUT subseksyen 37(4) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*], Suruhanjaya Pilihan Raya menyiarkan laporan bertarikh 11 Julai 2023, yang ditunjukkan dalam Jadual, yang dibuat oleh Yang Arif Hakim Datuk Seri Mohd Firuz bin Jaffril, Hakim Pilihan Raya, Mahkamah Tinggi di Malaya berhubung dengan perbuatan rasuah.

ELECTION OFFENCES ACT 1954

REPORT OF AN ELECTION JUDGE UNDER SUBSECTION 37(4)

PURSUANT to subsection 37(4) of the Election Offences Act 1954 [*Act 5*], the Election Commission publishes the report dated 11 July 2023, as shown in the Schedule, made by the Honourable Justice Datuk Seri Mohd Firuz bin Jaffril, Election Judge, High Court in Malaya in relation to corrupt practice.

JADUAL/SCHEDULE

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA TERENGGANU
DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN, MALAYSIA
PETISYEN PILIHAN RAYA NO: TA-26PP-2-01/2023**

ANTARA

DATO' MOHD ZUBIR BIN EMBONG ... PEMPETISYEN
[NO. KP: 640619-11-5529]

DAN

DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM ... RESPONDEN
[NO. KP: 700115-11-5383]

Kepada;

Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
Menara SPR
No.2 Jalan P2T, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA.

**Perakuan Hakim Pilihanraya Menurut Seksyen 37 Akta Kesalahan Pilihan Raya
1954 [Akta 5]**

Petisyen Pilihan Raya bertarikh 03 Januari 2023 ini telah difailkan oleh Dato' Mohd Zubir Bin Embong (Pempetisyen) menurut Seksyen 32 (a) atau (c) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] untuk suatu perintah bahawa Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed@Hashim (Responden) tidak dipilih atau dilapor pilih dengan sewajarnya dalam pilihan raya bagi bahagian pilihan raya Parlimen Kuala Terengganu (P.036) yang diadakan pada 19 November 2022 dan untuk suatu pengisytiharan bahawa pilihan raya bagi bahagian pilihan raya Parlimen Kuala Terengganu (P.036) yang diadakan pada 19 November 2022 adalah tidak sah dan terbatal atas alasan bahawa suatu perbuatan penyogokan atau perbuatan rasuah telah dilakukan bagi bahagian pilihan raya tersebut dengan pengetahuan Responden oleh ejen-ejen Responden.

Dan setelah menjalankan perbicaraan dan mendengar keterangan saksi-saksi yang diberikan mulai 03 April 2023 sehingga 17 Mei 2023, saya selaku Hakim Pilihan Raya, telah pada 27 Jun 2023 memutuskan dakwaan-dakwaan Pempetisyen seperti berikut:

(i) **Berkenaan Penyogokan Di Pasti Al Huda, Penyogokan Di SK Gong Tok Nasek Dan Penyogokan Di SK Pusat Kuala Ibai.**

Bagi dakwaan pemberian wang di atas, walaupun terdapat keterangan yang menunjukkan pemberian wang berunsur rasuah bagi tujuan mempengaruhi pengundi-pengundi, saya mendapati bahawa keterangan individu-individu yang diujahkan merupakan ejen kepada Responden adalah samar. Keterangan diberikan adalah hanya menyatakan wanita berpurdah, wanita bertudung labuh, lelaki memakai kopiah, lelaki memakai jaket. Identiti mereka ini tidak dibuktikan walaupun terdapat pengakuan daripada penerima-penerima ini bahawa mereka telah menerima wang setelah mengundi. Berdasarkan tahap pembuktian yang memerlukan setiap elemen dibuktikan melampaui keraguan munasabah, adalah dapatan saya keterangan yang ada tidak mencukupi. Ini memandangkan identiti ejen-ejen ini tidak dibuktikan kerana tidak ada seorang pun yang dapat memastikan siapakah penama ejen-ejen tersebut.

(ii) **Berkenaan Sogokan Semasa Penjamuan Di Hotel Sumai Kuala Terengganu.**

Analisa saya terhadap keterangan yang telah dikemukakan, saya berpuas hati Pempetisyen telah membuktikan berlakunya perbuatan penjamuan di bawah seksyen 8 Akta 5. Seterusnya terdapat keterangan akan pemberian wang di majlis tersebut kepada pengundi-pengundi berdaftar. Saya berpuas hati bahawa perbuatan penjamuan tersebut adalah bertujuan meraih undi dan saya mendapati Responden mempunyai pengetahuan berkenaan penjamuan dan pemberian wang tersebut berdasarkan kehadiran Responden di majlis tersebut. Saya juga berpuas hati ejen yang dikatakan melakukan pemberian rasuah dan jamuan telah dikenal pasti dan dibuktikan. Ejen ini adalah SP15, Dr Balachandran a/l Gopal Krishnan.

(iii) **Berkenaan Sogokan Semasa Majlis Bantuan i-Belia Dan i-Siswa.**

Bagi dakwaan ini, saya berpuas hati bahawa terdapat pemberian wang kepada pengundi-pengundi berdaftar. Fakta ini telah dibuktikan dengan keterangan penerimaan wang oleh SP8, SP9 dan SP10. Malah ianya juga diakui oleh saksi-saksi lain SP11, SP12, SP13 dan SP14 yang dipanggil memberi keterangan. Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang dinyatakan tadi SP11, SP12, SP13 dan SP14 merupakan ejen Responden berdasarkan tindak tanduk mereka dan tidak ada sebarang kemusykilan tentang identiti mereka. Pemberian wang pada ketika itu adalah bertujuan memancing atau mempengaruhi pengundi-pengundi berdaftar untuk memilih calon Parti PAS iaitu Responden. Ini dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi yang hadir di program-program yang dianjurkan dan juga dari keterangan gambar-gambar yang telah dikemukakan di dalam perbicaraan. Walaupun majlis berkenaan merupakan majlis rasmi Kerajaan Negeri Terengganu dan wang yang diberikan

telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ianya telah dihulurkan semasa tempoh berkempen dan juga secara tidak langsung boleh dianggap digunakan bagi tujuan meraih undi. Pemberian ini tidak menjadi satu kesalahan jika tidak di buat semasa tempoh berkempen pilihan raya. Tidak ada sebarang keterangan dokumentasi yang menunjukkan bilakah tarikh akhir wang i-Belia dan i-Siswa perlu dibayar sebelum akaun Perbendaharaan Negeri Terengganu ditutup yang sekaligus berkehendakkan ianya dibayar pada tarikh ketika tempoh berkempen.

Keputusan saya bagi kes petisyen pilihan raya ini adalah terdapatnya unsur-unsur rasuah bagi bahagian pilihan raya Parlimen ini. Namun begitu saya tidak menamakan mana-mana pihak.

Berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan di atas, saya berpendapat bahawa Pempetisyen telah berjaya membuktikan melampaui keraguan munasabah perbuatan rasuah di bawah Seksyen 10 (a), (c) dan (e) Akta 5 di mana wang telah diberikan kepada pengundi-pengundi atau pemilih-pemilih oleh ejen Responden sebagai dorongan untuk mengundi Responden semasa pilihan raya.

Oleh yang demikian, saya mendapati bahawa terdapatnya perbuatan rasuah berkaitan dengan pilihan raya tersebut yang telah dilakukan dengan pengetahuan Responden selaras dengan Seksyen 32 (a) dan (c) Akta 5. Justeru itu, selaras dengan Seksyen 36 (1) Akta 5, saya mengisytiharkan pilihan raya bagi kawasan Parlimen Kuala Terengganu (P.036) yang diadakan pada 19 November 2022 adalah terbatal.

Bertarikh: 11 Julai 2023



MOHD FIRUZ BIN JAFFRIL
Hakim Pilihan Raya

[SPR 100-1/2/127; PN(PU2)245/JLD. 11]